

30 JUL 2004

Agong-Lawatan

YANG DI-PERTUAN AGONG LAWAT PULAU PINANG LIMA HARI

PULAU PINANG, 30 Julai (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail dan Raja Permaisuri Agong, Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid akan berangkat ke Pulau Pinang untuk lawatan selama lima hari mulai Ahad ini.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan oleh Jabatan Penerangan Negeri di sini, Seri Paduka berdua dijadualkan tiba dengan pesawat khas dari Kuala Lumpur di terminal lama Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas (LTABL) pada kira-kira pukul 11.15 pagi.

Keberangkatan Seri Paduka berdua itu adalah sempena lawatan mereka ke Sekolah Penang Free dan upacara Konvokesyen Universiti Sains Malaysia (USM) kali ke-33 di Dewan Tuanku Syed Putra di sini.

Yang di-Pertuan Agong pernah menuntut di Sekolah Penang Free manakala Raja Permaisuri Agong pula merupakan Tuanku Canselor bagi USM. Pada sebelah petang, baginda akan berangkat ke pertandingan golf di Pearl Island Golf and Country Club, Bayan Lepas manakala pada sebelah malamnya, Seri Paduka berdua berkenaan berangkat ke majlis santapan malam dan penyampaian hadiah pertandingan golf itu.

Pada hari kedua (2 Ogos), Seri Paduka berdua akan berangkat ke Sekolah Penang Free dan kemudiannya ke majlis santapan tengah hari di bangunan Persatuan Bekas Pelajar Penang Free di Jalan Sultan Ahmad Shah, di sini.

Pada hari ketiga, Seri Paduka berdua akan berangkat ke majlis santapan malam Tuanku Canselor di Hotel Equatorial, di sini.

Pada 4 Ogos pula, Raja Permaisuri Agong akan berangkat merasmikan sidang pertama majlis konvokesyen USM ke-33 di Dewan Tuanku Syed Putra pada sebelah pagi dan selepas itu merasmikan pameran potret Tun Mahathir Mohamad di Galeri Adiwarna, di situ.

Pada sebelah petangnya, Tuanku Canselor akan merasmikan ekspo

konvokesyen dan hari terbuka USM di Dewan Budaya.

Pada 5 Ogos, Yang di-Pertuan Agong akan menyertai pertandingan golf

sempena konvokesyen di Bukit Jambul Golf & Country Club sebelum Tuanku

Fauziah menyertai baginda untuk santapan tengah hari dan penyampaian hadiah

di tempat yang sama.

Seri Paduka berdua dijadualkan berangkat pulang ke Kuala Lumpur pada

kira-kira pukul 4.30 petang.

Majlis konvokesyen USM akan berlangsung selama empat hari mulai 4 Ogos

ini.

-- BERNAMA

NHA ZU AZH